



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 19 JUN 2024 (RABU)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	- TIDAK NAIK CUKAI 37 TAHUN, MPKL BUKA BANTAHAN HINGGA 25 JUN - MBSJ FC PERTAHAN JUARA LIGA WANITA

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELAGORKINI	MBDK MBSA MBPJ MPAJ	- JOM SANTAI BERKELAH BERSAMA MBDK - PANTAS TANGANI ADUAN RAKYAT - KADAR BAHARU TIDAK LEBIH 25 PERATUS - KHIDMAT PERCUMA ULANG TAHUN MBPJ - SESI DENGAR BANTAHAN MPAJ 24 JUN
2.	THE STAR	MBPJ DBKL	- PJ STEPS UP EFFORTS TO COMBAT DENGUE - WHEELIE BIN SALES - RED ANT INFESTATION AT KEPONG PARK PLAGUES RESIDENTS - CALL FOR FEEDBACK

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELAGORKINI	RUMPUN SELANGOR PETALING 19-21 JUN
2.	THE STAR	ENDING SUBSIDY ABUSE BY FOREIGNERS
3.	SINAR HARIAN	- BERPULUH TAHUN SUBSIDY DICURI ORANG ASING – PM - LAPOR RASUAH – RINGGIT UNTUK RINGGIT - SARINGAN KESIHATAN PERCUMA UNTUK RAKYAT SELANGOR
4.	HARIAN METRO	KWSP BOLEH GABUNG AKAUN INDIVIDU SAMA
5.	KOSMO	LAPOR RASUAH DAPAT GANJARAN WANG
6.	BERITA HARIAN	- TINDAKAN BERSEPADU TAHAN WARGA ASING PERLU BABIT PBT - MAHKAMAH PUTUSKAN KWSP BOLEH GABUNG AKAUN INDIVIDU SAMA - KERAJAAN SEDIA PERBAIKI KELEMAHAN - PERBELANJAAN KESIHATAN MALAYSIA ANTARA TERPANTAS - ISU INOVASI, TENAGA HIJAU ANTARA TUMPUAN - LULUSAN IJAZAH KEJURUTERAAN MALAYSIA LAYAK KERJA DI 24 NEGARA - PENURUNAN HARGA BERGANTUNG KOS PENGELUARAN, SUBSIDY - CUEPACS TIDAK SENADA SPRM ISU PENJAWAT AWAM, RASUAH - KELEMAHAN SUBJEK MATEMATIK BERI IMPAK BESAR KEPADA NEGARA
7.	UTUSAN MALAYSIA	- KWSP BERHAK GABUNG DUA AKAUN INDIVIDU SAMA - SUBSIDY BERSASAR KURANGKAN SEPARUH AKTIVITI SELUDUP DIESEL

BIL	AKHBAR	TAJUK
		• MALAYSIA PERLU 8,000 JURUTERA SETAHUN PENUHI KEHENDAK INDUSTRI • REKOD KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM SUKAR DIPERSOALKAN
8.	NEW STRAITS TIMES	• SUBSIDY MOVE SHOWS FIRM KLEADERSHIP • COURT RULES EPF CAN MERGE ACCOUNTS OF SAME PERSON
9.	THE SUN	• RINGGIT HIGHER AGAINST DOLLAR AHEAD OF US DATA RELEASE



BERITA UTAMA PBT SELANGOR

Tidak naik cukai 37 tahun, MPKL buka bantahan hingga 25 Jun

🕒 June 19, 2024 9:00 am



Logo rasmi Majlis Perbandaran Kuala Langat dipamerkan dalam pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat di Dewan Seri Jugra, Banting pada 9 September 2020 selepas diperkenan DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj. Foto ASRI SAPP/SELANGORKINI

SHAH ALAM, 19 JUN: Orang ramai boleh mengemukakan bantahan kadar baharu cukai taksiran kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) melalui pelbagai platform sehingga 25 Jun.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu tidak membuat semakan kadar cukai taksiran membabitkan tanah kosong, perumahan, kilang dan perniagaan selama 37 tahun sejak 1987.

Meski MPKL mahu menguat kuasa penilaian baharu mulai 1 Januari 2025, pemilik hartanah boleh membuat bantahan dengan mengimbas kod QR atau e-mel kepada jpqh@mpkl.gov.my.

Bantahan juga boleh dibuat dengan memuat turun borang bantahan di <https://mpkl.gov.my/sumber/muat-turun-borang/jabatan-penilaian-dan-pengurusan-harta/>.

Selain MPKL, tujuh PBT lain juga **tidak membuat semakan kadar cukai** antara 20 hingga 40 tahun lalu.

Majlis Perbandaran Kajang paling lama tidak menaikkan kadar itu selama 39 tahun sejak 1985, diikuti Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) 37 tahun sejak 1987 dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 32 tahun sejak 1992.

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pula tidak menaikkan cukai taksiran selama 32 tahun sejak 1992 bagi kawasan Subang Jaya dan Bandar Sunway. Manakala kawasan USJ, Puchong, Seri Kembangan dan Serdang selama 28 tahun sejak 1996.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) pula selama 27 tahun sejak 1997, manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) 28 tahun sejak 1986.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pula tidak mengenakan sebarang peningkatan cukai taksiran selama 18 tahun sejak 2006.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Menegaskan rumah kos rendah tidak dikenakan kenaikan meski menerima notis itu, beliau berkata semakan tersebut bertujuan mengetahui nilai dan mutu perbandaran sesebuah kawasan.

Katanya, pentadbiran negeri juga akan meneliti pelbagai faktor sebelum memberi kebenaran kepada PBT untuk membuat kenaikan ataupun sebaliknya.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 JUN 2024

MBSJ FC pertahan juara liga wanita



Pasukan MBSJ FC meraikan kejayaan menjuarai Liga Super Wanita 2024 menewaskan UiTM United Lioness di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 9 Jun. Foto FIKRI YUSOF

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

SUBANG JAYA - MBSJ FC mempertahankan kejuaraan Liga Super Wanita FAS 2024 selepas menewaskan UiTM United Lioness 3-0 dalam perlawanan akhir di Arena MBSJ di sini pada 9 Jun.

Semua gol MBSJ FC dijaringkan pada babak pertama menerusi Lee Xin Yi pada minit ke-25, diikuti jaringan Waitie Taming (32) dan Intan Sarah (34).

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyaksikan perlawanan dan menyempurnakan majlis penyampaian trofi dan hadiah.

MBSJ FC membawa pulang wang tunai RM10,000 beserta piala manakala UiTM United Lioness menerima wang tunai

RM7,000 serta pingat.

Jurulatih MBSJ FC berkata kejayaan pasukannya mempertahankan kejuaraan hasil komitmen tinggi yang ditunjukkan pemain sepanjang kejohanan.

Mohd Fairuz Mohd Noor turut menasaskan pasukannya mewakili Selangor menyertai kejohanan Piala Tun Sharifah Rodziah (TSR) musim ini.

"Perasaan yang tidak dapat digambarkan dapat kekalkan kejuaraan, saya bangga dengan pemain yang beri komitmen hingga 150 peratus.

"Seterusnya saya berharap impian untuk beraksi di TSR jadi kenyataan memandangkan perbincangan dengan pengurusan untuk sertai kejohanan positif," katanyaselepas perlawanan.

Ketua pasukan Steffi Sarge Kaur bangga mengemudi MBSJ FC sehing-

ga bergelar juara buat dua musim berturut-turut.

"Kami berhak juara dengan menguasai sepanjang permainan. Tiga kunci kejayaan adalah kerjasama pasukan, disiplin dan komitmen pemain hingga 200 peratus," katanya.

Terdahulu, SA United menjuarai Piala Konfederasi 2024 menewaskan Real CJ 1-0 menerusi jaringan tunggal Nursyaza Nadzirah seawal minit keempat.

Berikut adalah senarai penerima anugerah kejohanan:

- Anugerah Kasut Emas – Intan Sarah: 19 gol (MBSJ FC)
- Anugerah Pemain Paling Bernilai – Intan Sarah (MBSJ FC)
- Anugerah Pejaga Gol Terbaik – Amyra Fariesha: 5 clean sheets (SSS Leapord)

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 JUN 2024

Jom santai berkelah bersama MBDK

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa menyertai program Jom Berkelah Bersama Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) pada 23 Jun.

Diadakan di Mangrove Point, Pelabuhan Klang, program bermula jam 7 pagi hingga 1 tengah hari itu menawarkan pelbagai aktiviti menarik.

Kemasukan adalah percuma dan pengunjung digalakkan memakai pakaian berkonsep hijau.

"Jom semua bersantai dan berkelah dengan keluarga anda bersama MBDK pada 23 Jun ini. Pelbagai acara dan pertandingan dianjurkan," tulis MBDK.

Antara pertandingan yang dianjurkan adalah menghias tempat berkelah, hiasan terrarium, reka cipta pakaian daripada bahan kitar semula dan mewarna.

Pantas tangani aduan rakyat

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan meningkatkan mutu perkhidmatan termasuk memberi maklum balas segera aduan penduduk sama ada isu kecil atau besar.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim menambah MBSA juga bercadang untuk menceriakan bandar raya melalui acara kesenian terutama pada waktu malam pada hujung minggu.

"Kakitangan MBSA perlu menanamkan sikap untuk bertindak segera dalam memastikan perkhidmatan kepada masyarakat dapat selesai dengan berkesan.

"Kita juga mahu memeriahkan lagi bandar raya ini dengan pelbagai aktiviti bermanfaat seperti program berbentuk kesenian terutama ketika pada waktu malam hujung minggu," katanya pada 6 Jun.

Kadar baharu tidak lebih 25 peratus

SHAH ALAM - Orang ramai boleh mengemukakan bantahan kadar baharu cukai taksiran kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sebelum tempoh akhir pada 14 Jun.

Menjelaskan kadar baharu tidak melebihi 25 peratus, datuk bandarnya berkata penilaian semula dibuat selepas 18 tahun untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat terus efisien.

Menurut Dato' Mohd Fauzi Mohd



Yatim, pihaknya juga sedia bertemu pemilik harta yang membantah kadar baharu itu dalam sesi pendengaran khas yang akan diadakan selepas tempoh bantahan.

"Ada tidak bersetuju dengan kenaikan cukai taksiran tetapi sebenarnya MBSA memerlukan kewangan kukuh dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Kita memerlukannya (cukai). Kenaikan tidak melebihi 25 peratus daripa-

da cukai lama tetapi kita terima bantahan dan akan panggil pemilik hartanah untuk sesi pendengaran," katanya.

Bermula 9 Mei hingga 6 Jun, MBSA menerima 1,990 bantahan daripada pemilik harta berhubung kadar baharu cukai tersebut yang dikuat kuasa mulai Januari tahun depan.

Kadar itu melibatkan kediaman, perdagangan, perindustrian dan tanah kosong (pertanian), manakala rumah ibadat, sekolah dan premis awam yang bukan bermotif keuntungan menerima pengecualian.

Khidmat percuma ulang tahun MBPJ

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memberi pelbagai perkhidmatan percuma sempena sambutan ulang tahun perisytiharan bandar raya berkenaan yang ke-18 pada 20 Jun.

Menurut Unit Komunikasi Korporatnya, perkhidmatan itu antaranya parkir kenderaan di seluruh Petaling Jaya, penggunaan kemudahan sukan seperti kolam renang, padang dan gelanggang.

Mengikut kenyataan itu, kemudahan lain antaranya pemberian 1,000 anak pokok, pemberian racun jentik-jentik, keahlian perpustakaan setahun kepada 500 orang dan diskaun tong sampah beroda.

MBPJ juga mengajak orang ramai untuk memeriahkan pelbagai acara yang dijadual berlangsung khususnya hari kemuncak sambutan ulang tahun di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin pada 29 Jun.

Maklumat lanjut acara tersebut boleh diperoleh menerusi laman sesawang dan media sosial rasmi MBPJ.

Sesi dengar bantahan MPAJ 24 Jun

SHAH ALAM - Sesi pendengaran membabitkan 12.34 peratus pemegang harta yang membantah nilai baharu pemilikan hartanah di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dijadual pada 24 Jun.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad memberitahu sesi tersebut diadakan secara berperingkat sehingga 31 Julai melibatkan 22,352 daripada 181,144 pemegang harta di kawasan



pentadbiran MPAJ.

"Panggilan dan jemputan ke sesi mendengar bantahan dihantar melalui surat, e-mel dan sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemilih harta yang membuat bantahan.

"Pemilik harta yang menerima jemputan diminta membuat pengesahan kehadiran melalui pautan yang

dilampirkan bersama jemputan kelak," katanya.

Beliau menjelaskan MPAJ akan membawa kertas pembentangan senarai nilai baharu kepada Kerajaan Negeri selepas sesi pendengaran untuk kelulusan yang dijangka pada September.

Katanya, nilai baharu itu hanya dikuat kuasa melalui pembayaran bil cukai taksiran bermula 1 Januari tahun depan selepas pentadbiran negeri memberi persetujuan.

Rumpun Selangor Petaling 19-21 Jun

SABAK BERNAM - Program Gagasan Rumpun Selangor edisi keempat diteruskan ke daerah Petaling pada 19 hingga 21 Jun, kata EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Menjelaskan acara itu menampilkan kelainan bagi memenuhi keperluan penduduk bandar, beliau berkata Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah mencemar duli untuk bertemu rakyat.

"Pengisian program berasaskan kebudayaan selain reruai disediakan untuk berkongsi maklumat termasuk bantuan dan peluang kerja," katanya dalam program Minggu Perpaduan 2024 peringkat negeri di sini pada 9 Jun.

Setakat ini, program sama telah berlangsung di Hulu Selangor, Hulu Langat dan Sepang. Sebanyak RM4.5 juta dipe-runtuk dalam belanjawan tahun ini bagi menjayakan program berkenaan.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 19 JUN 2024

PJ steps up efforts to combat dengue

Mayor: City council working with stakeholders at seven hotspots and other affected areas

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasriprya@thestar.com.my

PETALING Jaya presently has seven dengue hotspots and its city council (MBPJ) is stepping up efforts to combat the scourge.

The hotspots are Apartment Idaman Fasa 2 at PJU 10, Kampung Sungai Kayu Ara in PJU 6A, SS21, SS4B, Kelana Puteri and Kelana Putera condominiums in SS7, and Apartment Medan Cahaya in PJS 2C.

Other areas with significant number of dengue cases are Saujana Damansara in PJU 10, Residensi Sunway Serene in Jalan SS8/2, Flat PKNS and Mentari Court in PJS8, PPR Lembah Subang 2 (Block A-E), The Arcuz in PJU 1, SS7, Flat Desa Mentari in PJS2 and Flat Taman Medan (Block A-E) in PJS 3.

"Combating dengue is a priority and we have to work together with stakeholders," said Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon during a press conference to



Mohamad Zahri says MBPJ has to be stern in its enforcement.

mark his 100 days in office.

"If the relevant agencies can provide 20 staff, I will provide 40 staff from MBPJ to work with the District Health Office to bring down dengue numbers."

He said it was necessary for MBPJ to be stern with enforcement, stressing that the fine was up to RM500 for each spot found with mosquito larvae.

He attributed the spread of dengue to the breeding of mosquitoes in clear, stagnant water in gardens, abandoned vehicles, among uncollected waste and in clogged drains.

Separately, the mayor said MBPJ had provided spaces at Taman Aman park that could be accessed by people with disabilities, through the implementation of universal design.

For its Inclusive Park for People with Disabilities project, the city council was honoured with the Malaysia Landscape Architects Award under the government category.

Mohamad Zahri said MBPJ had also embarked on upgrading schools in the city in line with its Child-Friendly City policy.

A fund was created on Nov 1 for this purpose, he said.

"As of last April, 46 schools have been upgraded by MBPJ at a cost of RM8.3mil.

"Some RM4.7mil is yet to be allocated to 16 schools that are in dire need of help," he added.



LISTEN to the youngest female councillor in Selangor, 24-year-old Kusaaliny Mahendran talk about how she wants to drive progressive policy-making among youths.

She is the first guest of *StarMetro*'s new fortnightly podcast series "Life & the City", available in the Metro section of www.thestar.com.my and on social media platforms (@thestaronline).

Life & the City is a podcast where hosts and *StarMetro* journalists Aida Ahmad and Farid Wahab discuss topics relevant to urban folk.

The conversations are peppered with lighthearted moments, making the struggles and triumphs of city-living relatable and entertaining.

On our debut episode, which drops today on *The Star*'s website, Kusaaliny also shares her insights on an internship programme at Petaling Jaya City Council.

THE STAR

Tarikh: 19 JUN 2024

MBPJ
Star
14/6

WHEELIE BIN SALES

Petaling Jaya City Council (MBPJ) is providing a 50% discount for its 120L orange wheelie bins in conjunction with its 18th anniversary celebration. The public can buy them tomorrow at MyKiosk PJ, Menara MBPJ (in front of Kapitan Restaurant). Buyers must show proof of residence in Petaling Jaya. For details, call 03-7954 1440.

THE STAR

Tarikh: 1.9 JUN 2024



DBKL
Star
19/6

Yee (right) with residents in the play area where children have been frequently bitten by red ants.

Ants on a tree at Laman Mawar Rimbunan park.

Red ant infestation at Kepong park plagues residents

By HAZEL TAN YAN LING
metro@thestar.com.my

RESIDENTS of Laman Mawar Rimbunan, a gated community in Kepong, are unhappy about poor park maintenance by Kuala Lumpur City Hall (DBKL) which has led to a host of problems, including an infestation of red ants.

The lack of maintenance, residents say, has been an issue for 20 years.

Local activist Yee Poh Ping said he had submitted a letter on behalf of the residents' association to DBKL Landscape Development and Recreation Department, detailing their

complaints, on April 22.

Laman Mawar Rimbunan Residents Association secretary Steven Lim had initiated the complaint three months ago.

He said residents had marked 10 dead trees that needed removal.

"We had to hire someone to cut down a tree that was about to fall, which cost us RM500.

"The day after our complaint was received, DBKL came and cut down some trees but the workers only trimmed those on the outer side.

"Many of the problematic trees we had identified were left untouched," said Lim.

He said this partial action by

the local authority exacerbated the current ant problem.

"Cutting down those trees just caused ants to move to other trees.

"We have even contacted the Fire and Rescue Department. We are still waiting for the authorities' intervention," he added.

Resident Eng Wah Kwat, who has lived in the area for 15 years, said, "The park is where we gather to chat and relax, but sometimes ants fall on us from the trees.

"We tried luring the ants down with chicken intestines and burning them but this didn't solve the problem."

The infestation has also affect-

ed the children's playground, leading to frequent ant bites.

Lim said the ants sometimes invaded cars after the rain.

The park's outdated facilities, including the playground and basketball courts, are another concern.

"After it rains, the park floods and it takes days for the ground to dry, making the jogging paths unusable," said Lim.

Yee urged DBKL to upgrade the park facilities, add gym equipment for the elderly and address the ant problem promptly.

"We don't want this space to go to waste as it is for the community to enjoy," he said.

THE STAR

Tarikh 1.9 JUN 2024

DBKL
Star
19/6

CALL FOR FEEDBACK

The public can give their views on Kuala Lumpur City Hall's (DBKL) 2025 budget on June 29 at Pusat Komuniti Seri Petaling for the Seputeh constituency; July 6 at Hotel Federal Bukit Bintang for the Bukit Bintang constituency; July 13 at Pusat Komuniti Lembah Pantai for the Lembah Pantai constituency; July 20 at Auditorium Pejabat Cawangan Segambut for the Segambut constituency and July 27 at Dewan Serbaguna Jinjang Utara for the Kepong constituency. For details, call 03-2617 9000.

THE STAR

Tarikh: 19 JUN 2024

Ending subsidy abuse by foreigners

PM: Diesel price reform needed to save nation from financial drain

Star
19/6

By N. TRISHA
trishang@thestar.com.my

BUKIT MERTAJAM: The rise in fares by Singapore tour agencies has shown their long-standing reliance on Malaysian diesel subsidies, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said the diesel subsidy rationalisation was needed to save the country in preventing financial drain from misuse.

"Tour buses and travel companies from Singapore raised prices because they said they could not get diesel subsidies.

"This meant that they had been benefiting from our diesel

subsidies for decades. Not only them, there were foreign fishermen and others at the country's borders making use of our subsidies.

"Plenty of funds were leaking over the years," he said during the Aidiladha Korban Perdana sacrificial ceremony at Masjid Jamek Cherok Tokun Bawah here yesterday.

The subsidies, said Anwar, were benefiting 3.8 million foreigners.

"It (diesel) was taken out to Thailand and used by Thai fishing boats.

"This is Malaysian taxpayers' money but foreigners were reaping the benefits.

"The number of cars produced from 2012 to 2020 was small compared to the skyrocketing increase in diesel consumption because the fuel was enjoyed by foreigners," he said.

Anwar also said there were bound to be teething problems in any subsidy rationalisation when first rolled out.

"If there are weaknesses, inform us and we will correct them. Those who have concerns or issues with it, let us know so that we can improve.

"When we start something, there will be flaws. Tell us so we can correct it rather than saying cruel things (about it)," he said.

Anwar, who is also the Finance

Minister, acknowledged that the move did affect the people but assured the Madani government would do its best to continue to provide subsidies to those deserving.

He said detractors had been attacking the government for implementing the diesel rationalisation instead of giving constructive criticisms.

"These subsidies are for the poor, the deserving. Those who deserve to get subsidies can apply for them.

"Those who use diesel, like fishermen, farmers, public transport operators, all of them can apply for subsidies.

"My duty is to safeguard the

interests of the M40 and B40, so subsidies are for them only," he added.

Later, when approached by the press, Anwar noted that the move affected companies bordering Malaysia which had illegally benefited from the diesel subsidies over the years.

"It will save us funds that have been misused by others.

"The savings from the diesel subsidy rationalisation would be returned to the people," he reiterated.

On Monday, the Prime Minister said the government was still bearing around RM7bil in subsidies related to diesel in Peninsular Malaysia.

THE STAR

kh: 19 JUN 2024

Berpuluh tahun subsidi dicuri orang asing - PM

Keputusan kerajaan berjaya sekat hak rakyat Malaysia diguna orang luar

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUKIT MERTAJAM

Keputusan kerajaan memotong sebahagian besar subsidi diesel dan melakukan penyasaran kepada golongan tertentu berjaya menyekat hak rakyat daripada terus dicuri oleh orang asing sejak sekian lama.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, laporan agensi pelancongan serta bas pelancong di Singapura yang akan menaikkan harga perkhidmatan kerana kenaikan harga diesel di negara ini juga jelas membuktikan selama ini subsidi yang diberikan kerajaan pergi kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Malah jelas beliau, penutupan beberapa stesen minyak di sempadan negara juga dikesan kerana mereka tidak boleh lagi menjual diesel subsidi yang selama ini digunakan orang asing.

"Maknanya selama ini puluh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura, pergi ke kapal-kapal nelayan Siam, pi ke sana sini, dicuri dan bocor pun banyak.

"Daripada tahun 2012 hingga 2022 kita tengok berapa jumlah kereta bertambah, kata 3 peratus. Berapa jumlah naik keperluan diesel?



Anwar menyantuni kariah Masjid Jamek Cerok Tokun Bawah pada Selasa.

Puluhan peratus, tak salah 70 peratus.

"Naik jumlah kereta sikit tapi naik penggunaan diesel melambung kerana diesel itu tidak digunakan hanya untuk golongan sasaran yang sepatutnya menikmati subsidi kerajaan tetapi hanya untuk orang asing," katanya ketika berucap sempena Majlis Korban Perdana Bersama Perdana Menteri di Masjid Jamek Cerok Tokun Bawah di sini pada Selasa.

Anwar berkata, sejak zaman pemerintahan Barisan Nasional lagi ramai yang bersetuju dengan pelaksanaan penyasaran subsidi namun ia tidak dibuat hingga membolehkan 3.8 juta orang asing menerima manfaatnya sedangkan rakyat Malaysia yang membayar cukai dan kerajaan yang membayar subsidi berkenaan.

"Melalui penyasaran subsidi ini sebanyak RM4 bilion kita dapat selamatkan. Jadi untuk apa RM4 bilion ini yang kita selamatkan? Bukan un-

tuk naikan elaun Perdana Menteri ataupun menteri tetapi ia akan balik kepada rakyat," tegasnya.

Sementara itu Anwar berkata, kerajaan akan meneliti implikasi berhubung cadangan untuk meletakkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah bidang kuasa Parlimen.

"Hal itu (meletakkan SPRM di bawah Parlimen) harus kita bincang. Kita kena teliti syarat-syarat ketat (sebelum melaksanakannya)," ujarnya.

Ahad lepas, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika menjadi tetamu audio siar bersama sebuah penerbitan berita tidak bersetuju dengan cadangan untuk meletakkan SPRM di bawah Parlimen kerana SPRM satu-satunya agensi dipantau lima badan bebas berbanding Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah (ICAC) Hong Kong yang dipantau empat badan pengawasan.

SINAR HARIAN

Tarikh:1.9 JUN 2024.....

nt 19/6

Lapor rasuah: Ringgit untuk ringgit

Pemberi maklumat kepada kerajaan bakal diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan diterima

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Pengadu atau pemberi maklumat mengenai rasuah akan menerima ganjaran yang sama nilai dengan jumlah wang yang terlibat dalam kes tersebut.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pemberi maklumat kepada kerajaan bakal diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan yang diterima kerana membantu dalam membanteras jenayah tersebut.

"Ia ringgit untuk ringgit. Jika anda ditawarkan RM100, kerajaan akan beri RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan mengembalikan RM1 juta ke-

pada anda," katanya ketika satu program audio siar pada Isnin.

Azam berkata, ketika ini seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran berjumlah lebih RM1 juta antara tahun 2012 hingga 2023 kerana melapor dan mendedahkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan.

Beliau memaklumkan, menerusi Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang diumumkan pada

Mei lepas, skim sama boleh diperluaskan kepada masyarakat, namun ia masih di peringkat cadangan.

"Perkara itu masih dalam cadangan, prosedur khas dan optimum bersama agensi peneraju masih belum diputuskan kerana ia di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri.

"Akta Perlindungan

Pemberi Maklumat 2010 perlu diperbaharui dan kami bersetuju, BHEUU kini sedang dalam proses minda undang-undang," ujar beliau.

Tambahnya, SPRM merupakan satu-satunya agensi penguatkuasaan yang menggunakan undang-undang berkena-



Seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran berjumlah lebih RM1 juta kerana melapor dan mendedahkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan. Gambar hiasan.

an dan giat mempromosinya kepada orang awam sejak tujuh tahun lalu.

"Ada tiga kategori yang tampil ke SPRM iaitu pengadu, pemberi maklumat dan informan. Sebagai contoh, pengadu perlu ke mahkamah, namun boleh dikatakan kurang daripada lima peratus yang ingin membuat aduan bersedia untuk beri

keterangan di mahkamah.

"Bagi pemberi maklumat dan informan, identiti mereka dilindungi dengan baik. Sekarang BHEUU ingin beri ganjaran dan saya fikir ia idea yang baik kerana boleh menggalakkan lebih ramai tampil membuat aduan terutama kepada SPRM," jelasnya.



AZAM

SINAR HARIAN

19 JUN 2024

Tarikh:

Saringan kesihatan percuma untuk rakyat Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan negeri menganjurkan program saringan kesihatan percuma bertujuan membantu orang ramai mengesan sebarang tanda atau penyakit berbahaya lebih awal.

Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar negeri, Jamaliah Jamaliddin berkata, program Selangor Saring akan diadakan di Dewan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) Bandar Baru Kuala Selangor pada 22 Jun, Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia (29 Jun) dan di Dewan Sri Jugra pada 30 Jun.

Ujarnya, inisiatif itu menyediakan saringan kesihatan seperti pemeriksaan fizikal, jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi, barah, mata, telinga dan gigi.

"Orang ramai boleh berkunjung ke

lokasi program saringan kesihatan di tiga lokasi ini dan mengambil peluang melakukan saringan secara percuma.

"Pengunjung digalakkan membuat prapendaftaran menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) kerana penilaian faktor risiko setiap individu disediakan melalui borang saringan awal dalam aplikasi ini," katanya menerusi satu hantaran di laman Facebooknya.

Terdahulu, pada Belanjawan Selangor 2024 lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari mengumumkan peruntukan RM3.2 juta bagi meneruskan saringan kesihatan percuma tahun ini.

Program diperkenal bagi membantu penduduk mengesan penyakit lebih awal dengan menyasarkan individu mempunyai sejarah perubatan keluarga, obesiti selain amalan gaya hidup tidak sihat.



“

Pengunjung digalakkan membuat prapendaftaran menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) kerana penilaian faktor risiko setiap individu disediakan melalui borang saringan awal pada aplikasi ini”

- Jamaliah

SINAR HARIAN

Tarikh: 19 JUN 2024

KWSP boleh gabung akaun individu sama

Mahkamah Tinggi memutuskan demikian dalam tuntutan saman difail anak pencarum

Oleh Ahmad Johari
Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berhak untuk menggabungkan dua akaun milik individu sama.

Pesuruhjaya Kehakiman, Dr Choong Yeow Choy dalam penghakimannya berkata, walaupun Akta dan Kaedah KWSP 1991 serta Peraturan KWSP 2001 tidak mengandungi peruntukan nyata memberikan kuasa kepada KWSP menggabungkan akaun itu, tiada peruntukan sama yang melarang tindakan berkenaan.

Mahkamah Tinggi memutuskan demikian dalam tuntutan saman difailkan oleh M Divyaa terhadap KWSP selepas KWSP menggabungkan dua akaun mendiang bapanya S Machap yang berakhir dengan nombor 236 dan 036 ke dalam satu akaun.

Dalam kes saman terabit, Divyaa mencabar keputusan KWSP menggabungkan kedua-dua akaun itu ke dalam satu akaun dan penamaan beneficiaries secara automatik.

Machap mendaftar sebagai ahli KWSP pada 1 Ogos 1995 dengan menggunakan nombor kad pengenalan baharunya dan diberikan akaun dengan nombor berakhir 036 walaupun sudah mempunyai akaun sedia ada dengan nombor berakhir 236 yang didaftarkan dengan kad pengenalan lamanya pada 10 Mac 1984.

Beliau menamakan V K Dharsyaini sebagai beneficiaries untuk akaun 036 (yang tidak mempunyai

sebarang baki) dan tidak menamakan mana-mana beneficiaries untuk akaun 236 (yang mempunyai baki).

Machap meninggal dunia pada 17 Julai 2021 dan Divyaa (plaintiff) dinasihati pegawai KWSP untuk memohon satu Surat Kuasa Mentadbir untuk pengeluaran akaun KWSP si mati.

Plaintif kemudian memohon dan memperolehi Surat Kuasa Mentadbir bertarikh 31 Mei 2022 berdasarkan semakan awal dilakukan pada ketika itu.

Divyaa melalui firma guamannya, menghantar surat bertarikh 19 September 2022 kepada KWSP mengenai tuntutan pengeluaran akaun KWSP si mati dan sekali lagi menghantar surat peringatan bertarikh 19 November 2022.

Pada 1 Disember 2022, plaintif menerima satu surat daripada defendan di mana beliau dinasihati, sekiranya mempunyai bantahan terhadap penamaan dibuat mendiang bapanya ketika hayatnya, beliau dinasihati menggunakan saluran perundangan dengan memfailkan injuksi atau saman pemula.

Dalam kes saman itu, Divyaa menyatakan KWSP yang dinamakan selaku defendan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menggabungkan akaun milik mendiang bapanya.

Bagaimanapun, KWSP yang dinamakan selaku defendan menegaskan ia hanya menggunakan kuasa pentadbirannya dalam menggabungkan kedua-dua akaun itu.

Menuurut KWSP, penamaan

an Dharsyaini sebagai beneficiaries adalah mematuhi semua peruntukan di bawah Akta, Kaedah dan Peraturannya.

Dalam penghakimannya, Yeow Choy juga memutuskan, oleh kerana penamaan itu kekal sah, ia bersetuju dengan KWSP bahawa berdasarkan peruntukan KWSP (berkaitan pembayaran atas kematian ahli jika ada penamaan), Dharsyaini berhak mendapat baki dalam akaun dengan nombor berakhir 236 selepas ia digabungkan dengan akaun 036.

Beliau berkata, ia adalah satu kes di mana keputusannya akan menjejaskan salah satu pihak, iaitu sama ada pihak yang menuntut, iaitu Divyaa dan Dharsyaini.

Katanya, malangnya hanya seorang daripada pihak yang akan berhak ke atas baki wang dalam akaun terabit.

"Defendan (KWSP) tidak mempunyai kepentingan dalam saman ini. Satu-satunya kebimbangannya adalah tanggungjawab untuk melaksanakan kewajipan berkanunnya.

"Adalah diakui bahawa Machap tidak membuat penamaan baharu atau menamakan semula Dharsyaini selepas akaun berkenaan digabungkan. Bagaimanapun, ia juga sama penting untuk dilihat bahawa beliau tidak membatalkan penamaan Dharsyaini sedia ada.

"Kes seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini, dan mahkamah mesti meneliti dan menggunakan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tafsiran peruntukan ini

menyokong pendirian oleh defendan," katanya.

Divyaa mencabar keputusan KWSP menggabungkan kedua-dua akaun ke dalam satu akaun

HARIAN METRO
Tarikh: 19 JUN 2024

514 penjawat awam terima lebih RM1 juta daripada SPRM antara 2012 hingga 2023

Kosmo
19/6

Lapor rasuah dapat ganjaran wang



AZAM

PETALING JAYA — Penjawat awam yang melaporkan kes rasuah sehingga membawa kepada sabitan boleh diberi ganjaran wang, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

Beliau berkata, pemberi maklumat kepada kerajaan akan diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan kerana membantu membanteras kegiatan rasuah.

"Ringgit untuk ringgit, jika anda ditawarkan RM100, kerajaan akan beri anda RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan kembalikan RM1 juta kepada anda," katanya ketika tampil dalam program audio siar *Beyond the Headlines* kendalian New Straits Times semalam.

Katanya, melalui dasar sedia ada, seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran berjumlah lebih RM1 juta antara 2012 hingga 2023 kerana melaporkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan.

"Di bawah Strategi Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024-2028 yang baru diumumkan Mei lalu, skim sama boleh diperluas-

kan kepada umum, namun masih dalam peringkat cadangan.

"Perkara itu masih dalam cadangan, prosedur khusus dan optimum bersama agensi peneraju masih belum diputuskan. Itu di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Pertama sekali, Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu diperbaharui dan kami bersetuju, BHEUU kini sedang dalam proses meminda undang-undang," katanya.

Ujarnya, SPRM satu-satunya

agensi penguat kuasa menggunakan sepenuhnya undang-undang itu dan sejak tujuh tahun lalu, sudah mempromosikannya kepada orang ramai bahawa mereka harus jadi pemberi maklumat.

"Ada tiga kategori yang tampil ke SPRM, iaitu pengadu sebenar, pemberi maklumat yang dilindungi identiti dan *whistleblower*. Pengadu sebagai contoh, perlu ke mahkamah, namun kurang lima peratus mereka yang tampil membuat aduan bersedia untuk beri keterangan di mahkamah," katanya.

KOSMO

Tarikh: 1..8..JUN..2024

'Tindakan bersepadu tahan warga asing perlu babit PBT'

BH
19/6

Dengan maklumat terperinci, saya percaya tindakan dari segi operasi dapat dijalankan dengan adil dan sebaik mungkin

Dapatan operasi penting bantu pihak berkuasa rencana tindakan lebih efektif

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Operasi mengempur koloni warga asing sekitar ibu negara dan membanteras banjiriran kumpulan pendatang yang masuk secara haram perlu digerakkan secara bersepadu membabitkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi penguatkuasaan berkaitan.

Menegaskan demikian, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, mengakui sebelum ini memang ada operasi dijalankan secara bersendirian oleh agensi tertentu, terutama tanpa membabitkan Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) selaku PBT di ibu kota.

Ketika lain, katanya, DBKL juga mengadakan operasi secara bersendirian bagi membanteras banjiriran warga asing di Kuala Lumpur, namun wujud kekangan kerana penguat kuasa PBT tiada kuasa menangkap warga asing.

Justeru, katanya, operasi bersepadu dengan pembabitkan PBT bersama agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen dan polis adalah wajar.

"Operasi terhadap warga asing kena bersepadu. Ketika operasi 'Mini Dhaka' Disember tahun lalu, tindakan ketika itu dibuat PDRM, PGA (Pasukan Gerakan Am), mereka sahaja. Tak boleh macam ini, tetapi selepas itu barulah (ada pembabitkan) DBKL (untuk) ambil tindakan (dalam operasi).

"Kena ada pemegang taruh, khususnya DBKL. DBKL kena terbabit dalam benda (operasi) macam ini. Saya ada hubungi PGA untuk bagi taklimat, mereka terbuka dan datang taklimat. Saya nak perinci (operasi),

apa yang mereka buat penting untuk pihak saya ambil tindakan seterusnya.

"Contoh perincian, apa yang saya nak adalah berapa ramai (warga asing) ditahan dan berapa ramai peniaga tanpa lesen, mereka itu siapa? Akhirnya rumusan ditangkap dalam operasi itu, sama ada mereka yang duduk lebih masa, tiada dokumen?

"Rupanya yang ditangkap di situ 10 peratus tiada dokumen. Maksudnya apa? Baki (warga asing) datang situ untuk bergembira, jumpa kawan senegara dan selepas makan dan balik. Itu yang mereka lakukan," katanya kepada BH.

Dr Zaliha berkata, dapatan operasi yang mengandungi maklumat terperinci sangat mustahak supaya pihak berkuasa boleh merencana tindakan selanjutnya yang lebih efektif untuk membanteras isu banjiriran warga asing di ibu kota.

Dengan maklumat terperinci, beliau percaya tindakan dari segi operasi dapat dijalankan dengan adil dan sebaik mungkin.

"Adalah adil untuk kita ambil tindakan macam itu terhadap mereka atau kita kena ambil tindakan lain? Saya fikir maklumat itu penting supaya kita boleh ambil tindakan tepat. Suatu hari nanti, kita kena ambil tindakan adil terhadap mereka," katanya.

Tindakan terhadap warga asing tanpa dokumen pula, katanya, bukan di bawah kuasa DBKL, sebaliknya Jabatan Imigresen.

"Sangat kompleks, saya fikir tindakan bersepadu itu perlu untuk kes macam ini. Misalnya operasi gelandangan yang kita buat sebelum ini pun sama juga. Ada banyak agensi terbabit dan kita buat secara bersekali.

"Kalau kita tak buat macam itu, tak akan selesai, walaupun ada juga yang selesai. Sekurang-kurangnya boleh kurangkan," katanya.

Program tarik orang muda

Ditanya apa yang boleh dilakukan untuk membasmi tanggapan buruk warga kota terhadap lokaliti dibanjiri warga asing di Kuala Lumpur, Dr Zaliha meng-

esyorkan program yang boleh menarik orang muda berkunjung ke kawasan itu.

Beliau akui, sememangnya ramai berfikir kawasan dipenuhi warga asing sebagai lokaliti tidak selamat bagi mereka.

"Kita kena ada tindakan lain pula sebabnya warga kota rasa tak selamat. Bila masuk sini (Kuala Lumpur) macam 'Mini Dhaka', bukan Kuala Lumpur milik kita (warga tempatan). Jadi kita kena buat program lain yang boleh tarik minat orang setempat.

"Contoh saya cadangkan, mungkin boleh laksanakan program babitkan anak muda. Anjur program untuk tarik mereka datang kembali ke kawasan berkenaan. Saya fikir cara begini kita boleh buat," katanya.

Dr Zaliha Mustafa,
Menteri di Jabatan
Perdana Menteri
(Wilayah
Persekutuan)



BERITA HARIAN
Tarikh.....1.9 JUN 2024.....

Kes saman KWSP

Mahkamah putuskan KWSP boleh gabung akaun individu sama

BH
19/11



Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berhak untuk menggabungkan dua akaun milik individu sama.

Pesuruhjaya Kehakiman, Dr Choong Yeow Choy dalam penghakimannya berkata walaupun Akta dan Kaedah KWSP 1991 serta Peraturan KWSP 2001 tidak mengandungi peruntukan nyata memberikan kuasa kepada KWSP menggabungkan akaun itu, tiada peruntukan sama yang melarang tindakan berkenaan.

Mahkamah Tinggi memutuskan demikian dalam tuntutan saman difailkan oleh M Divyyaa terhadap KWSP selepas dana persaraan itu menggabungkan dua akaun mendiang bapanya, S Machap yang berakhir dengan nombor 236 dan 036 ke dalam satu akaun.

Dalam kes saman terbabit, Di-

vyvaa mencabar keputusan KWSP menggabungkan kedua-dua akaun itu ke dalam satu akaun dan penamaan benefisiari secara automatik.

Machap mendaftar sebagai ahli KWSP pada 1 Ogos 1995 dengan menggunakan nombor kad pengenalan baharu dan diberikan akaun dengan nombor berakhir 036, walaupun sudah mempunyai akaun sedia ada dengan nombor berakhir 236 yang didaftarkan dengan kad pengenalan lamanya pada 10 Mac 1984.

Beliau menamakan V K Dharsyaini sebagai benefisiari untuk akaun 036 (yang tidak mempunyai sebarang baki) dan tidak menamakan mana-mana benefisiari untuk akaun 236 (yang mempunyai baki).

Machap meninggal dunia pada 17 Julai 2021 dan Divyyaa (plaintif) dinasihati pegawai KWSP untuk memohon satu Surat Kuasa Men-

tadbir untuk pengeluaran akaun KWSP si mati.

Plaintif kemudian memohon dan memperoleh Surat Kuasa Mentadbir bertarikh 31 Mei 2022 berdasarkan semakan awal dilakukan pada ketika itu.

Dia melalui firma peguamcara, menghantar surat bertarikh 19 September 2022 kepada KWSP mengenai tuntutan pengeluaran KWSP si mati dan sekali lagi menghantar surat peringatan bertarikh 19 November 2022.

Pada 1 Disember 2022, Plaintif menerima satu surat daripada defendan di mana beliau dinasihatkan sekiranya mempunyai bantahan terhadap penamaan dibuat mendiang bapa ketika hayatnya, beliau dinasihatkan menggunakan saluran perundangan dengan memfailkan injunksi atau saman pemula.

Dalam kes saman itu, Divyyaa menyatakan KWSP yang di-

namakan selaku defendan tidak mempunyai sebarang kuasa menggabungkan akaun milik mendiang bapanya.

Bagaimanapun, KWSP yang dinamakan selaku defendan menegaskan ia hanya menggunakan kuasa pentadbirannya dalam menggabungkan kedua-dua akaun itu.

Menurut KWSP, penamaan Dharsyaini sebagai benefisiari adalah mematuhi semua peruntukan di bawah Akta, Kaedah dan Peraturannya.

Dalam penghakimannya, Yeow Choy juga memutuskan, oleh kerana penamaan itu kekal sah, ia bersetuju dengan KWSP bahawa berdasarkan peruntukan KWSP (berkaitan pembayaran atas kematian ahli jika ada penamaan), Dharsyaini berhak mendapat baki dalam akaun dengan nombor berakhir 236 selepas ia digabungkan dengan akaun 036.

BERITA HARIAN

Tarikh.....19 JUN 2024.....

Kerajaan sedia perbaiki kelemahan


PM bersikap terbuka terima sebarang cadangan penambahbaikan bagi baiki kekurangan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Kerajaan sedia memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti dalam pelaksanaan penyasaran subsidi diesel yang dilaksanakan buat julung kali di Malaysia.

Mengakui bersikap terbuka menerima sebarang cadangan untuk menambahbaik langkah merasionalisasi subsidi, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata apa yang dilakukan ketika ini adalah percubaan awal dan semestinya berdepan beberapa kekurangan.

"Saya ambil sikap terbuka, kalau ada beberapa kelemahan, maklum, kita betulkan. Ini percubaan awal yang tentunya menghadapi sedikit sebanyak masalah, saya tidak nafikan tetapi cerca seolah-olah kerajaan zalim, itu tidak boleh," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Program Korban Perdana,



Anwar bersama penduduk bergotong-royong memasak gulai ketika hadir Korban Perdana bersama Perdana Menteri di Masjid Jamek Cerok Tokun, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

di Masjid Jamek Cherok Tokun, di sini, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan dan pemimpin-pemimpin sebelum ini juga bersetuju dengan penyasaran subsidi diesel kerana ia merupakan langkah yang betul bagi mengelakkan pembaziran subsidi, sekali gus memulangkan penjimatan kepada rakyat.

Katanya, langkah itu penting

bagi mengelak ketirisan dana negara walaupun menyedari banyak pihak tidak dapat menerima kenaikan bahan api.

"Kita baca liputan media ramai tidak dapat menerima kenaikan harga diesel, maka kita nampak pelanggaran dari segi peraturan diesel.

"Subsidi ini untuk orang miskin, petani, nelayan dan pekebun kecil atau pihak pengendali bas

sekolah dan pengangkutan awam tetapi terlalu nyata orang yang mencerca kita," katanya.

Terdahulu ketika berucap, Anwar berkata, penyasaran subsidi dilakukan kerana ia dinikmati 3.8 juta warga asing sedangkan yang membayar cukai adalah rakyat.

"Subsidi kita bayar, cukai rakyat Malaysia bayar tetapi subsidi diesel warga asing dapat. Per-

niagaan haram guna diesel kita. "Dua hari lalu, semua bas pelancongan dan syarikat pelancongan dari Singapura nak naik harga (tambang) sebab tak dapat subsidi.

"Maknanya, selama ini berpuh tahun subsidi kita pergi ke syarikat Singapura dan ada yang pergi ke kapal nelayan Thailand, diesel dicuri di sana sini, bocor banyak.

"Bagi penanaman padi, traktor kita akan bagi (subsidi) tetapi kita tidak boleh bagi dekat orang kaya," katanya.

Penurunan harga telur

Menyentuh penurunan harga runcit telur ayam, Anwar berkata, ia langkah awal bagi mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat kerana ia merupakan makanan yang paling banyak digunakan oleh rakyat di peringkat bawah.

"Kita buat kajian (didapati) keluarga paling banyak gunakan ialah telur, keluarga sederhana, miskin ambil telur empat biji sehari.

"Oleh itu, kita bincang dengan syarikat dan tanya untung serta turunkan sedikit harga telur tetapi tak rugi (bagi syarikat) dan kalau ada cara-cara yang lain, saya boleh ikhtiarkan," katanya.

Kelmarin, Anwar mengumumkan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebij.

Perbelanjaan kesihatan Malaysia antara terpantas

BH
19/6

Kuala Lumpur: BMI, firma Fitch Solutions, mengunjurkan perbelanjaan kesihatan Malaysia meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkumpul (CAGR) 8.3 peratus dari 2023 hingga 2028.

Ia mengunjurkan perbelanjaan awam naik 8.5 peratus, manakala perbelanjaan swasta sebanyak 8.1 peratus. Unjuran positif itu disokong peningkatan dua angka dalam belanjawan penjagaan kesihatan kerajaan pada 2023 dan 2024, di samping peningkatan berterusan dalam sektor swasta.

"Ini akan menjadikan pertumbuhan perbelanjaan kesihatan jangka masa sederhana Malaysia menjadi antara terpantas di ASEAN," menurutnya.

Penduduk menua, beban penyakit kronik semakin meningkat, usaha untuk meningkatkan infrastruktur kesihatan awam dan menambah baik akses untuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan akan memacu pertumbuhan sektor awam.

"Penyedia penjagaan kesihatan swasta akan terus menarik pesakit berpendapatan tinggi, termasuk pelancong perubatan dan pesakit domestik yang mahu mengelakkan tempoh menunggu lama ekoran kekurangan doktor dan jururawat di Malaysia," menurut BMI.

BMI memaklumkan, pertumbuhan perbelanjaan satu digit yang tinggi di Malaysia menjadikan negara ini mengatasi negara serantau lain seperti Singapura, Thailand, Filipina dan Indonesia dalam jangka sederhana.

"Perbelanjaan kesihatan perkapita tahunan kekal melebihi purata pasaran global dan yang sedang pesat membangun, menunjukkan kapasiti perbelanjaan produk perubatan termaju yang kukuh," katanya menambah Malaysia akan terus memajukan tawaran penjagaan kesihatan untuk menarik pelancong perubatan.

"Bagaimanapun, Malaysia menghadapi persaingan serantau sengit dari Thailand dan Singapura. Perkongsian dijangka kekal sebagai usaha Malaysia untuk meningkatkan industri pelancongan perubatan kerana negara ini berusaha untuk kekal berdaya saing dalam persaingan serantau," menurut BMI.

Malaysia akan terus menangani cabaran kebolehpasaran di kawasan luar bandar dengan Belanjawan 2024 kerajaan mengutamakan pelaburan dalam kemudahan kesihatan, termasuk memperluas hospital dan membina klinik kesihatan baharu untuk meningkatkan kapasiti dan mengurangkan kesesakan.

BERITA HARIAN
Tarikh.....19 JUN 2024.....

Isu inovasi, tenaga hijau antara tumpuan

BH
19/6

Kuala Lumpur: Malaysia dan China berkemungkinan membincangkan isu berkaitan inovasi, keterangkuman, tenaga hijau serta komoditi untuk meningkatkan pelaburan dan kerjasama ekonomi ketika lawatan Perdana Menteri China, Li Qiang ke Malaysia, kata pakar.

Li Qiang yang memegang jawatan Perdana Menteri China pada Mac tahun lalu, tiba di Malaysia semalam untuk memulakan lawatan rasmi tiga hari atas jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Menurut Wisma Putra, kedua-dua pemimpin akan bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama, selain menyaksikan pertukaran beberapa memorandum persefahaman (MoU) dan persetujuan dalam pelbagai bidang kerjasama.

"Ia termasuk ekonomi digital, pembangunan hijau, pelancongan, perumahan dan pembangunan urbanisasi, pendidikan tinggi, sains dan teknologi serta pengeksporan agrikomoditi ke China," menurut kenyataan Wis-

ma Putra, semalam.

Kedua-dua pemimpin juga dijadual menghadiri majlis makan malam bagi menyambut ulang tahun ke-50, upacara pecah tanah Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Gombak dan makan tengah hari bersama komuniti perniagaan dari kedua-dua negara.

Li Qiang juga akan mengadakan kunjungan menghadap Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim.

Sokong rangka kerja MADANI

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Anthony Dass menjangkakan tumpuan perbincangan kedua-dua pemimpin adalah inovasi dan keterangkuman, yang akan menyokong rangka kerja MADANI.

"Ia termasuk mengukuhkan lagi hubungan perdagangan, pelaburan dan perkhidmatan. Melihat rangka kerja MADANI, China boleh memainkan peranan penting kerana rangka kerja kita sejajar dengan nilai serta prinsip yang dianjurkan pada 2013 di bawah Prinsip Perkongsian Komuniti China," katanya.

Katanya, fokus Malaysia adalah meningkatkan daya saing, ke-

dudukan fiskal, tahap hutang, penyampaian perkhidmatan dan tadbir urusnya, dengan perbincangan kedua-dua pemimpin dijangka tertumpu di sekitar skop itu bagi manfaat kedua-dua negara.

Anthony berkata, memandangkan Malaysia dan China giat melabur dalam teknologi bersih seperti tenaga suria, angin dan hidro, perbincangan mengenai tenaga boleh baharu mungkin diadakan untuk memanfaatkan teknologi hijau selain tumpuan kepada teknologi.

"Perbincangan sebegini akan membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, menangani perubahan iklim dan membuka peluang baharu," katanya turut menjangkakan isu perdagangan serta pelaburan berkaitan elektrik dan elektronik (E&E) juga akan dibentangkan.

"Bidang perbincangan lain adalah mengenal pusat data, infrastruktur, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perkhidmatan berkaitan digital, keterhubungan, nadi bumi, EV baharu serta bidang pertumbuhan masa depan," katanya.

Anthony bagaimanapun mengingatkan bahawa perubahan

dalam dinamik global serta serantau, termasuk peralihan kuasa ekonomi global, penjarangan semula geopolitik dan keseimbangan keselamatan serantau boleh mempengaruhi hubungan Malaysia-China.

Mengenai isu seperti tuntutan wilayah di Laut China Selatan, katanya, Malaysia, seperti negara Asia Tenggara yang lain, harus terus mengimbangi kepentingan ekonominya dengan China sambil menjaga kedaulatan dan kestabilannya.

Sementara itu, Presiden Persahabatan Malaysia-China, Datuk Abdul Majid Ahmad Khan, berkata Malaysia-China sudah menjalin hubungan sihat dan dinamik sepanjang lima dekad, dibuktikan oleh catatan prestasi perdagangan kukuh sejak beberapa tahun lalu.

Selain memantapkan lagi hubungan sedia ada serta mengenal pasti sektor baharu untuk kerjasama, Anwar dan Li Qiang dijangka memudahkan pertumbuhan komoditi Malaysia seperti minyak sawit dan produk berkaitan durian, termasuk meningkatkan kerjasama teknologi yang melonjak dalam beberapa tahun kebelakangan.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh..... 19 JUN 2024

Lulusan ijazah kejuruteraan Malaysia layak kerja di 24 negara

BH
19/6

Program diiktiraf EAC kini setanding dengan profesional peringkat global

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lulusan ijazah kejuruteraan yang diiktiraf Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) menerima berita baik apabila dibenarkan mereka berkhidmat di negara yang menandatangani 'Washington Accord' (WA).

Ia berikutan keputusan Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa (IEA).

WA adalah perjanjian antarabangsa ditandatangani lembaga akreditasi pendidikan tinggi teknik yang bergabung dalam IEA.

Antara negara menandatangani WA adalah Australia, Kanada, China, Hong Kong, United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS).

Selain itu, Bangladesh, Taiwan, Costa Rica, India, Indonesia, Ireland, Jepun, Korea, Mexico, New Zealand, Pakistan, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Afrika Selatan, Sri Lanka dan Turki.

Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) memaklumkan, program ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh EAC kini setara dengan semua 24 penandatangan penuh WA, sekali gus melayakkan jurutera dari negara ini menjalankan amalan kejuruteraan di negara penandatangan WA, tertakluk syarat pelesenan tempatan.

"Keputusan ini dibuat pada Mesyuarat IEA yang diadakan di New Delhi, India pada 13 Jun lalu. Ini satu pencapaian penting bagi profesion kejuruteraan negara selaras dengan persediaan Malaysia menjadi hab pendidikan global," menurut kenyataan LJM semalam.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat berkenaan diketuai Presiden LJM, Datuk Ahmad Redza Ghulam Rasool.

"LJM sentiasa memastikan profesional kejuruteraan Malaysia setanding dengan profesional kejuruteraan di peringkat



Program ijazah kejuruteraan yang diiktiraf oleh EAC kini setara dengan semua 24 penandatangan penuh WA. (Foto hiasan)

antarabangsa," menurut LJM dan memaklumkan Malaysia melalui EAC mula diterima sebagai penandatangan penuh WA pada 18 Jun 2009.

Lulus enam tahun lagi
Terbaru, LJM memaklumkan, status Malaysia sebagai penandatangan penuh WA diluluskan

untuk tempoh enam tahun lagi bermula bulan ini.

"LJM tertakluk kepada semakan berkala yang bertujuan memastikan kelayakan ijazah sarjana muda kejuruteraan Malaysia memenuhi standard dan tanda aras antarabangsa," menurut kenyataan itu.

Semakan berkala terbaru di-

buat pada 24 Februari hingga 5 Mac tahun lalu oleh pasukan pakar antarabangsa dari negara penandatangan WA lain, antaranya memantau proses akreditasi EAC di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Sungai Long.

BH dimaklumkan oleh LJM, setakat Jun 2024 sebanyak 251 program ijazah kejuruteraan mendapat pengiktirafan daripada EAC.

Program berkenaan membabitkan 53 institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara ini. Antara IPT berkenaan adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Infrastructure University Kuala Lumpur (IUUKL), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, UiTM Shah Alam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Kampus Pekan, UMPSA Kampus Gambang, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

BERITA HARIAN

Tarikh.....1.9.JUN.2024....

Penurunan harga bergantung kos pengeluaran, subsidi

Kuala Lumpur: Penurunan harga telur dikuatkuasakan ketika ini bergantung kepada kos pengeluaran dan subsidi.

Walaupun kos bahan makanan ayam turun, kerajaan tetap menanggung subsidi telur sebanyak RM100 juta.

Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara (MPPN), Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata penurunan harga telur sebanyak tiga sen sebiju bagi semua gred A, B dan C tidak bermakna subsidi tidak diteruskan.

"Oleh itu, pengguna perlu faham pengawalan harga makanan asas masih dikuatkuasakan oleh kerajaan dan kerajaan berperanan untuk menetap dan menguatkuasakan harga siling.

"Dengan kadar penggunaan telur per kapita rakyat Malaysia adalah sekitar 17.2 kilogram (kg), bermakna permintaan untuk telur tetap tinggi," katanya kepada

BH semalam.

Mohd Azmi berkata, diet Malaysia dari segi sumber protein sangat bergantung kepada bekalan termurah antaranya telur.

"Peniaga perlu beretika untuk tidak meraih keuntungan melampau, manakala pengguna perlu cermat dalam berbelanja supaya keperluan utama diberi kepada perkara asas. Harga dan bekalan juga harus dipantau pengguna supaya pasaran tidak dieksploitasi oleh peniaga," katanya.

Mengulas sama ada penurunan harga telur akan dapat memberi jaminan akan ada lebih bekalan telur dalam pasaran, beliau berkata, kurang atau berlebihan bekalan bergantung kepada import telur dari luar serta permintaan tempatan.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader, berkata penurunan

harga runcit telur akan membantu mengurangkan masalah kewangan ditanggung golongan berpendapatan rendah, terutama mereka yang perlu membelinya dalam kuantiti banyak.

"Langkah ini juga akan membantu peniaga dan penjual makanan kerana boleh menurunkan kos. CAP berharap peniaga yang banyak menggunakan telur, tidak akan menaikkan harga makanan mereka selepas ini," katanya.

Stok lama jual harga asal

Pengerusi Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Bumiputera Pasar Siti Khadijah di Kelantan, Ahmad Nazri Che Omar, berkata inisiatif ini memberi peluang untuk pe-



Mohd Azmi

niaga khususnya penjual makanan meraih sedikit keuntungan memandangkan masih ada yang menawarkan kuih pada harga lama, walaupun berlaku kenaikan harga telur sebelum ini.

Sementara itu, pemborong telur yang mahu dikenali sebagai Nur, 34, berkata harga baharu bagi telur gred A ialah RM12.60 sepan, RM12 (gred B) dan RM11.40 (gred C) yang dijangka mula dijual dalam masa terdekat sebaik bekalan baharu diperolehi.

"Buat masa ini saya perlu menghabiskan stok lama pada harga asal iaitu RM13.50 sepan bagi telur gred A, RM12.90 bagi gred B dan RM12.30 bagi gred C. Bila habis bekalan lama, kita akan jual ikut harga yang di-

umumkan kerajaan," katanya.

Pemilik kedai pemborong yang mahu dikenali sebagai Zam, 40, menyifatkan pengumuman itu sebagai mendadak kerana kebanyakan penjual telur sudah mendapatkan bekalan beberapa hari sebelum Aidiladha.

Beliau berkata, sepatutnya kerajaan memberi tempoh tertentu untuk pelaksanaan penurunan harga itu bagi memberi masa untuk peniaga sepejabatnya menghabiskan stok telur yang sedia ada pada harga lama.

"Dua hari sebelum Aidiladha saya baru menerima stok telur sekitar 200 papan dan jika saya menjualnya pada harga baharu, tidak adil buat kami.

"Jadi saya minta diberi masa supaya dapat menghabiskan semua stok sedia ada ini pada harga lama dan meneruskan jualan pada harga baharu sebaik tiba stok baharu nanti," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh.....1.9.JUN.2024.....

CUEPACS tidak senada SPRM isu penjawat awam, rasuah

BH
19/6

**Gaji rendah bukan
punca utama,
faktor dalaman
wujud peluang
lakukan jenayah**

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: CUEPACS tidak bersetuju dengan pandangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kaitan penjawat awam dan rasuah.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, berkata ini kerana beliau melihat pandangan SPRM mengenai perkara itu memberi gambaran bahawa faktor utama kerajaan menaikkan gaji penjawat awam adalah untuk memerangi rasuah.

Beliau berkata, gaji yang rendah walaupun menjadi antara punca rasuah, ia bukanlah penyebab utama, sebaliknya faktor dalaman menyebabkan seseorang itu melakukan jenayah terbahit adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti.

"CUEPACS tidak bersetuju apabila konteks kenaikan gaji penjawat awam itu dilihat daripada sudut tertentu sahaja seperti untuk membendung gejala rasuah.

"Laporan media setiap hari membuktikan penjenayah rasuah terdiri pelbagai kumpulan masyarakat dan rata-ratanya mempunyai jawatan, kedudukan

tertentu dan tidak hanya terdiri daripada penjawat awam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, dilaporkan berkata, dengan menaikkan gaji penjawat awam tidak semestinya berkesan dalam membendung penularan gejala rasuah dalam struktur kerajaan.

Pada masa sama, Adnan berkata, pihaknya mencadangkan pihak berkuasa mengubah pendekatan dalam tindakan dengan memberi fokus kepada punca gejala rasuah di peringkat akar umbi iaitu pemberi rasuah.

Tumpas sumber rasuah

Beliau berkata, jenayah rasuah tidak akan dapat dibanteras sepenuhnya jika agensi penguatkuasaan tidak menumpaskan sumber atau akar umbi kepada punca gejala itu.

"Amat mengecewakan apabila pemberi rasuah tidak didakwa, malah dijadikan saksi untuk

Amat mengecewakan apabila pemberi rasuah tidak didakwa, malah dijadikan saksi untuk mendakwa penerima. Ketika ini kita banyak didedahkan dengan tangkapan individu yang menerima rasuah sahaja hingga ramai yang mempersoalkan ke mana hilangnya pemberi rasuah

Adnan Mat,
Presiden CUEPACS



mendakwa penerima. Ketika ini kita banyak didedahkan dengan tangkapan individu yang menerima rasuah sahaja hingga ramai yang mempersoalkan ke mana hilangnya pemberi rasuah.

"Pemberi rasuah ini akan mencari pelbagai jalan untuk mencari mangsa mereka bagi mendapatkan keuntungan daripada transaksi yang dilakukan.

"Jika kita putus rantai pemangsa ini, sudah tentu rasuah dapat ditangani dengan lebih berkesan dan masyarakat akan lebih takut untuk terbahit dalam salah laku itu," katanya.

Beliau berkata, tindakan sege-lintir penjawat awam yang terbahit dalam gejala rasuah tidak mencerminkan keseluruhan integriti dan akauntabiliti penja-

wat awam negara.

Katanya, pembabitan dalam rasuah dan salah laku adalah tindakan sebilangan kecil penjawat awam yang tidak mewakili 1.7 juta warga penjawat awam.

"Kita akui SPRM sudah berusaha dengan sebaiknya dalam menguatkuasakan undang-undang dan CUEPACS bersama penjawat awam sedia bersama-sama dengan agensi itu dalam memastikan usaha terbahit terus dipergiatkan.

"Namun, CUEPACS menyeru semua pihak, termasuk masyarakat awam memberi sokongan kepada perkhidmatan awam," katanya.

Adnan berkata, pihaknya percaya keputusan kerajaan menaikkan gaji penjawat awam baru-baru ini adalah usaha untuk merapatkan jurang pendapatan dengan kos sara hidup yang tinggi ketika ini dan bukannya hanya disebabkan faktor rasuah.

Katanya, ia juga adalah usaha kerajaan untuk mengimbangi pendapatan antara pekerja gred rendah dan tinggi yang terlalu besar jurangnya serta tidak mencerminkan situasi sebenar pendapatan purata isi rumah di peringkat nasional.

"Kenaikan gaji yang bakal dinikmati penjawat awam ini perlu bergerak seiring dengan kualiti kerja yang lebih baik bagi memastikan impak kepada kenaikan itu dapat membantu perkembangan ekonomi.

"Hal ini termasuklah dengan melaksanakan kerja dengan penuh tanggungjawab dan mengelakkan perkara yang melanggar tadbir urus dan penyelewengan," katanya.



BERITA HARIAN

Tarikh.....1-9 JUN 2024

Kelemahan subjek Matematik beri impak besar kepada negara

BH
19/6

- Dalam jangka panjang, kekurangan kecekapan dalam matematik boleh jejakkan tenaga kerja, terutama dalam industri banyak bergantung pada kemahiran matematik, memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara

- Bagi memastikan persekitaran pembelajaran matematik kalis masa hadapan, aspek kesediaan kurikulum, penguasaan guru dalam pedagogi dan isi kandungan matematik, serta kaedah pentaksiran mampu menarik minat pelajar



Pensyarah Kanan (Pendidikan Matematik), Pusat Kajian Pembudayaan STEM, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Oleh Dr Muhammad Sofwan Mahmud
bhrencana@bh.com.my

Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diumumkan baru-baru ini mencatatkan angka mengejutkan yang mana seramai 85,707 daripada 373,525 calon merangkumi 23.2 peratus, gagal dalam subjek Matematik.

Hal ini membimbangkan kerana data berkenaan mampu memberikan pelbagai interpretasi serta spekulasi awam mengenai kualiti serta pelaksanaan sistem pendidikan, khususnya dalam mata pelajaran berkenaan.

Perkara ini mungkin juga terkait dengan kadar keciciran numerasi semakin meningkat. Kadar kegagalan tinggi boleh mengurangkan keyakinan awam terhadap sistem pendidikan, mungkin membawa kepada desakan untuk pembaharuan.

Sebelum ini, kita sering melihat pencapaian matematik pada peringkat global seperti Trend Pembelajaran Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA), walaupun keputusan matematik Malaysia masih berada di bawah paras minimum.

Namun, cerita di sini adalah kita seperti kalah di 'kampung sendiri'. Kita sebagai warga Malaysia perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah ini atau sekurang-kurangnya meningkatkannya ke suatu tahap lebih baik.

Kelemahan dalam subjek Matematik mampu memberi impak besar kepada negara jika tidak ditangani, seperti jurang kemahiran dalam tenaga kerja, khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) yang boleh menjelaskan produktiviti dan inovasi negara.

Dalam jangka panjang, kekurangan kecekapan dalam matematik boleh menjajakkan tenaga kerja negara, terutama dalam industri yang banyak bergantung pada kemahiran matematik, berpotensi memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dan daya saing negara.

Kadar kegagalan tidak seimbang dalam kalangan kumpulan sosioekonomi berbeza boleh memburukkan lagi ketidaksetaraan sedia ada serta mengehadkan peluang untuk pelajar kurang bernasib baik. Akhirnya di dibimbangi enam Teras Strategik utama terkandung dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) sukar dicapai jika masalah ini tidak diatasi.

Usaha untuk menangani isu ini perlu dikuatkan. Jika masalah ini tidak diselesaikan, persepsi masyarakat negatif terhadap Matematik sebagai subjek sukar boleh mempengaruhi sikap pelajar. Kebimbangan tinggi terhadap Matematik boleh menyebabkan pelajar sukar fokus dan memahami pelajaran sehingga mereka tercicir dalam matematik.

Hal ini secara tidak langsung akan mengehadkan pilihan untuk pendidikan tinggi dan peluang kerjaya, terutama dalam bidang memerlukan kemahiran matematik kukuh seperti kejuruteraan, kewangan dan teknologi.

Selain itu, persaingan untuk tempat di universiti

dalam kursus tidak memerlukan kemahiran matematik yang tinggi mungkin meningkat. Hal ini juga menjadi punca penurunan peratus untuk memilih bidang STEM di sekolah.

Keperluan persekitaran pembelajaran

Persoalannya, apakah solusi bagi masalah ini. Pelbagai usaha dijalankan Kementerian Pendidikan (KPM) dalam menangani isu ini kerana masalah ini bukanlah baharu.

Pihak berkuasa pendidikan menambah baik dan membuat perubahan dasar seperti mengubah suai format peperiksaan, kandungan, serta menyemak dan memperbaharui kurikulum matematik secara berkala untuk memastikan ia relevan dan sesuai dengan keperluan pelajar. Namun, usaha dilaksanakan masih belum berjaya mengurangkan peratusan kegagalan secara ketara.

Banyak faktor boleh menjadi punca kelemahan pelajar dalam subjek Matematik, namun literatur kajian menekankan peranan penting persekitaran pembelajaran menyokong dalam membantu pembelajaran matematik lebih bermakna.

Komponen kognitif matematik seperti mengingat fakta matematik, melakukan prosedur pengiraan, pengetahuan konseptual matematik dan deria nombor mendasari keupayaan matematik bergantung kepada fungsi neurokognitif, tetapi juga sangat sensitif terhadap faktor persekitaran pembelajaran.

Banyak kajian menunjukkan kegagalan pelajar dalam matematik dipengaruhi persekitaran pelajaran dan pembelajaran (PdP) tidak mencukupi.

Kesukaran pembelajaran dengan diagnosis neuropsikologi (kekurangan atau kelewatan perkembangan komponen kognitif) diperkuatkan serta dibentuk oleh pengaruh persekitaran pembelajaran lemah seperti kelemahan sistem sokongan pendidikan.

Hal ini secara tidak langsung menjelaskan kepentingan persekitaran pembelajaran dalam membentuk kekuatan numerasi dan minat pelajar dalam subjek Matematik.

Pada masa kini, persekitaran pembelajaran subjek Matematik kurang menyediakan keterkaitan dengan dunia sebenar atau dunia pekerjaan. Hal ini mengurangkan kesedaran pelajar pentingnya matematik dalam membantu kehidupan serta

bagaimana ia digunakan dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Persekitaran pembelajaran matematik lebih difokuskan kepada menghafal prosedur pengiraan dan konsep sehingga membunuh minat pelajar untuk belajar subjek berkenaan.

Guru tidak seharusnya hanya menekankan pengetahuan dan pemahaman konsep matematik sahaja, tetapi juga bagaimana aplikasi matematik dapat diterjemah dalam pelbagai bidang pekerjaan seperti robotik, kejuruteraan, perakaunan dan pemeriksaan kawalan kualiti.

Persekitaran pembelajaran seperti ini mampu melonjakkan kemampuan murid yang bersikap ingin tahu dan inovatif serta boleh mengaplikasikan serta menjana pengetahuan bagi menyelesaikan masalah.

Namun, bagi memastikan persekitaran pembelajaran matematik kalis masa hadapan, aspek kesediaan kurikulum mantap, penguasaan guru dalam pedagogi dan isi kandungan Matematik, serta kaedah pentaksiran pelbagai mampu menjadi pendukung kepada persekitaran pembelajaran dapat menarik minat pelajar mempelajari matematik.

Guru Matematik harus sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan tambahan bagi membantu pelajar melihat topik Matematik dalam konteks lebih luas berbanding hanya menekankan hafalan fakta dan penyelesaian.

Kerjasama antara organisasi komuniti dan institusi pendidikan boleh dilaksanakan dalam menyediakan program bimbingan, sumber pendidikan tambahan, serta membabitkan ahli profesional dalam bidang matematik untuk memberikan ceramah atau bengkel kepada pelajar.

Walaupun memperoleh 'A' dalam subjek Matematik sering dijadikan tumpuan, namun apa yang lebih penting adalah bagaimana pembelajarannya di sekolah dapat menyediakan pelajar menggunakan dalam pelbagai situasi kehidupan serta bagaimana ia mampu menyediakan landasan dan panduan untuk digunakan dalam pelbagai keperluan pekerjaan pada masa kini.

Hal ini kerana pelajar pada peringkat menengah atas sudah mula menyedari kepentingan merancang kerjaya dan kehidupan mereka pada masa hadapan.



KWSP berhak gabung dua akaun individu sama

UM
19/6

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi Shah Alam memutuskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berhak menggabungkan dua akaun yang didaftarkan atas nama individu sama.

Pesuruhjaya Kehakiman Dr. Choong Yeow Choy berpuas hati, meskipun Akta dan Kaedah KWSP 1991 serta Peraturan KWSP 2001 tidak mengandungi peruntukan nyata yang memberikan kuasa kepada KWSP menggabungkan akaun berkenaan, peruntukan sama tidak melarang tindakan tersebut.

Sehubungan itu, beliau berpendapat dana persaraan tersebut boleh melaksanakan kuasa pentadbiran untuk menggabungkan dua akaun yang dimiliki oleh individu sama.

Yeow Choy membuat keputu-

san itu selepas menolak saman pemula yang dikemukakan M. Divyyaa terhadap KWSP selepas badan kerajaan itu menggabungkan akaun mendiang bapa kandungannya, S. Machap yang berakhir dengan nombor 236 dan 036 ke dalam satu akaun.

Mendiang bapanya mendaftarkan akaun KWSP pertama (236) pada 10 Mac 1984 menggunakan kad pengenalan lama manakala pada 1 Ogos 1995, lelaki itu membuat pendaftaran kedua menggunakan kad pengenalan baharu bagi akaun 036.

Selepas penggabungan, hanya ada satu akaun iaitu 236 (masih ada baki) manakala akaun 036 (tiada baki) dipadam.

Machap pada asalnya tidak mendaftarkan penama bagi akaun 236 namun menamakan V.K. Dharsyaini sebagai pemegang amanah bagi akaun 036 (akaun kedua).

Hakim berkenaan berkata, Machap tidak membuat penama baru atau penamaan semula terhadap Dharsyaini selepas kedua-dua akaunnya digabungkan. Namun perlu diingatkan bawah Machap juga tidak membatalkan Dharsyaini sebagai penama.

Naratif saman pemula itu menyatakan, Machap meninggal dunia pada 17 Julai 2021 dan Divyyaa (pentadbir) dinasihatkan oleh KWSP untuk memohon surat kuasa mentadbir untuk pengeluaran wang bapanya dari akaun 236.

Pada 1 Disember 2022, Divyyaa menerima surat dari KWSP yang menasihatkannya untuk membuat bantahan terhadap penamaan yang dibuat mendiang bapanya dengan memfailkan injuksi atau saman pemula di mahkamah.

Mahkamah turut berpendirian, dalam hal berkenaan, han-

ya satu pihak yang mempunyai hak terhadap wang dalam akaun berkenaan.

"Keputusan kes ini akan mengecewakan sama ada penuntut (Divyyaa) dan V.K. Dharsyaini. Malangnya hanya satu pihak berhak terhadap wang dalam akaun.

"Defendan (KWSP) tidak mempunyai kepentingan dalam saman ini. Satu-satunya kebimbangannya adalah tanggungjawab untuk melaksanakan kewajipan berkanunnya.

"Kes seperti ini tidak pernah berlaku sebelum ini, dan mahkamah mesti meneliti dan menggunakan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Tafsiran peruntukan ini menyokong pendirian defendan," katanya dalam alasan penghakiman yang diperoleh pihak media melalui laman web mahkamah semalam.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:19 JUN 2024..

Subsidi bersasar kurangkan separuh aktiviti seludup diesel

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Pelaksanaan subsidi bersasar diesel pada kadar RM3.35 seliter bakal mengurangkan aktiviti penyeludupan bahan api itu ke negara jiran sekurang-kurangnya 50 peratus dengan penjimatan hampir RM1 bilion setahun.

Berdasarkan kajian Kesatuan Eropah (EU), ASEAN dan Malaysia, kerajaan dianggarkan menanggung kerugian antara RM1.5 bilion hingga RM2 bilion setahun akibat aktiviti penyeludupan diesel sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi pada 10 Jun lalu.

Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, pelaksanaan subsidi bersasar pada kadar RM3.35 seliter dapat membantu mengurangkan isu penyeludupan yang menyumbang kepada



Harus diingat bahawa harga diesel Malaysia masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara jiran terutama Thailand yang menjual bahan api itu sekitar RM4.80 seliter."

**BASHIR AHMAD
SHABIR AHMAD**

ketirisan.

Bagaimanapun, beliau berkata, ia tidak akan dapat menghapuskan aktiviti penyeludupan

secara total kerana harga bahan api tersebut masih lebih murah berbanding Thailand.

"Harus diingat bahawa harga diesel Malaysia masih lagi rendah jika dibandingkan dengan negara jiran terutama Thailand yang menjual bahan api itu sekitar RM4.80 seliter.

"Namun aktiviti penyeludupan dijangka berkurangan kerana margin keuntungan yang diperoleh sebelum ini menjadi semakin kecil dan mungkin tidak lagi setimpal dengan risiko serta usaha dilakukan penyeludup bagi tujuan ini.

"Selain itu, pelaksanaan subsidi bersasar juga bertujuan mengawal dan mengurangkan aktiviti jenayah yang melibatkan penduduk tempatan dan penguat kuasa agensi tertentu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Mengulas lanjut, Bashir Ahmad berkata, secara keseluru-

hannya, kerajaan menjimatkan sebanyak RM4 bilion setahun dengan pelaksanaan subsidi bersasar tersebut.

"Bagaimanapun, impak dan hasil daripada pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bagi tujuan mencegah aktiviti penyeludupan seperti diwar-warkan oleh kerajaan, ia terlalu awal untuk membuat sebarang kesimpulan atau spekulasi terhadap kesannya.

"Ini kerana penyasaran subsidi diesel negara yang dilakukan sangat baru, tidak sampai sebulan pelaksanaannya dan bagi tujuan ini sebarang impak dan hasil biasanya akan dapat dilihat sekurang-kurangnya dalam masa enam bulan pertama.

"Diesel adalah jenis barangan yang tidak anjal iaitu memberi kesan agak minimum terhadap permintaan jika harga dinaik atau diapungkan," katanya.

Mengulas berhubung isu pe-

nyeludupan diesel ke Thailand, Bashir Ahmad berkata, punca utama perkara itu berlaku adalah disebabkan negara tersebut terkenal dengan aktiviti pertanian, perhutanan, pemakanan dan industri berat yang menggunakan jentera berat.

Justeru, katanya, tidak hairan jika penggunaan diesel di negara tersebut amat tinggi sehingga membuka ruang kepada aktiviti penyeludupan.

"Industri tersebut menyumbang kepada 50 peratus pendapatan KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) negara itu setiap tahun.

"Sektor-sektor ini mempunyai permintaan tinggi untuk penggunaan jentera berat serta kenderaan berenjin kapasiti diesel malah penduduk negara itu juga hampir dua kali ganda daripada Malaysia ini juga menyumbangkan kepada pemilikan kenderaan berdiesel di sana," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1.9...JUN...2024....

Malaysia perlu 8,000 jurutera setahun penuhi kehendak industri

WM
19/6

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarahrahim@medanula.com.my


PUTRAJAYA: Malaysia dijangka kekurangan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam bidang jurutera khususnya industri elektrik dan elektronik (E&E) untuk memenuhi keperluan industri strategik serta berimpak tinggi menjelang 2030.

Industri E&E menyaksikan evolusi perubahan teknologi yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dengan kelulusan sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Jurutera) bagi melaksanakan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) melibatkan reka bentuk serta fabrikasi komponen bernilai tinggi.

Berdasarkan kajian Analisis Permintaan Dinamik, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), peluang pekerjaan tenaga mahir sektor E&E menunjukkan purata sebanyak 8,500 kekosongan dan 2,040 pewujudan jawatan baharu setahun bagi tempoh 2018 hingga 2023.

Ketua Setiausaha MOSTI, Datuk Dr. Aminuddin Hassim berkata, Malaysia dilihat memerlukan sekurang-kurangnya 7,200 sehingga 8,000 jurutera mahir bagi sektor E&E setahun, mengambil kira trend peningkatan peluang pekerjaan dengan permintaan pekerja berkemahiran tinggi (15 peratus daripada jumlah keseluruhan jawatan adalah jurutera).

Katanya, jumlah itu mengam-



MALAYSIA perlu melahirkan lebih ramai jurutera khususnya dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) bagi memenuhi keperluan industri strategik serta berimpak tinggi menjelang 2030.

bil kira kadar peningkatan kekosongan dan pewujudan jawatan baharu berkemahiran tinggi sektor itu pada kadar dua hingga 11 peratus bagi tempoh sama dengan kira-kira 130,000 perjawatan aktif secara purata setahun.

"Negara dijangka mengalami defisit bakat E&E sekurang-kurangnya berjumlah 600 hingga 1,300 orang jurutera setahun mengambil kira jumlah penghasi-

lan purata 6,600 siswazah dengan kelulusan ijazah sarjana muda dan ke atas (jurutera) setahun.

"Pengiraan ini adalah dengan andaian jumlah penawaran melambatkan sifar peratus kadar pengangguran, dengan 100 peratus graduan E&E menceburi industri dan tiada penurunan trend graduan dalam bidang tersebut," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Aminuddin berkata, defisit itu

dijangka lebih besar mengambil kira keperluan 60,000 lagi jurutera berkemahiran tinggi yang disasarkan dalam Pelan Strategik Semikonduktor Nasional (NSS) dalam tempoh 10 tahun akan datang dengan tumpuan kepada rantaian bernilai tinggi dalam industri semikonduktor melambatkan nilai pelaburan sehingga RM500 billion.

Katanya, defisit bakat sektor

E&E juga perlu mengambil kira isu penghijrahan individu berkemahiran tinggi ke sektor lain seperti industri minyak dan gas serta telekomunikasi.

Ini termasuk fenomena pengaliran bakat graduan ke luar negara dengan penawaran gaji yang lebih tinggi dan kompetitif.

"Dalam hal ini terdapat keperluan untuk menyediakan kumpulan bakat dalam sektor E&E dengan kelayakan minimum ijazah sarjana muda (jurutera) untuk negara dapat bergerak ke landskap baharu industri pembuatan berteknologi tinggi.

"Ia dengan syarat terdapat pewujudan lebih banyak permintaan pekerjaan bernilai tinggi berdasarkan pelaburan masuk ke dalam negara termasuk pengeluaran pelaburan dalam negara," katanya di sini semalam.

Trend peningkatan permintaan guna tenaga yang diperlukan oleh negara bagi sektor industri E&E ini turut dibuktikan menerusi data dan statistik Sumber Guna Tenaga dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dari tahun 2018 hingga 2023.

Bagaimanapun, potensi peluang pekerjaan sektor E&E dilihat masih tertumpu di peringkat operator mesin dan loji serta pemasang iaitu sebanyak 53.24 peratus menerusi data yang direkodkan hasil pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung industri (DDI) dalam negara bagi tempoh 2021 hingga 2023 oleh Lembaga Pembangunan

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1.9.JUN..2024...

Rekod Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sukar dipersoalkan

UM
19/6



**RUSDI OMAR
DAN NIK MAWARDI
MOHAMED**

BARU-BARU ini tular satu surat layang yang menuduh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, yang dikatakan tidak setia kepada Kerajaan Madani dan cuba mensabotaj Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dari dalam.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini KPPA adalah satu jawatan panas yang menyaksikan penyandangannya tidak kekal lama. Dakwaan penyalahgunaan kuasa sering ditimbulkan semata-mata untuk menjatuhkan penjawatnya, tetapi kali ini dakwaannya ialah tidak setia.

Kenyataan KPPA atau mana-mana penjawat awam kanan tidak setia dan cuba mensabotaj Perdana Menteri adalah satu dakwaan serius. Ia tidak boleh dikemukakan dengan sewenang-wenangnya tanpa memberikan apa-apa bukti, apa lagi jika bersifat fitnah semata-mata.

Tuduhan kononnya penjawat awam kanan mengikut arahan bekas Ketua Setiausaha Sulit (KSUS) kepada bekas Perdana Menteri dalam membuat pertukaran jawatan adalah tuduhan yang melucukan. Malangnya ada yang mempercayai tuduhan tidak munasabah ini.

Wan Ahmad Dahlan mempunyai rekod sokongan yang baik ke atas Aspirasi Malaysia Madani, baik sebagai Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) mahupun sebagai KPPA sejak mula dilantik pada 9 Januari lalu.

Sebagai Ketua Pengarah ICU JPM, beliau antara lainnya telah menganjurkan Konvensyen Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat dengan tema Pembangunan Madani, Rakyat Disantuni di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Merbok, Kedah pada 16 hingga 17 Jun 2023.



ANWAR Ibrahim (tengah) hadir dalam Majlis Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam pada 14 Jun lalu. Turut hadir, Mohd. Zuki Ali (baju biru, kiri), Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz (dua dari kanan) dan beberapa Menteri Kabinet lain.

Konvensyen ini bermatlamat untuk menyediakan platform bagi menterjemah aspirasi Madani dalam konteks pembangunan dan kesejahteraan rakyat, membincangkan tatakelola dari sudut peraturan dan amalan terbaik dalam merealisasikan agenda sosisipembangunan nasional serta memperkukuhkan sinergi antara agensi pusat, negeri, daerah mahupun pihak berkuasa tempatan dalam menyelaras selain mengurus agenda pembangunan rakyat dan menangani kemiskinan.

Susulan kejayaan ini, kerajaan bersetuju untuk memperkasakan peranan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi di peringkat daerah dengan menyerahkan peranan pelaksanaan projek-projek kecil dan penyelenggaraan peringkat daerah kepada mereka. Hal ini bagi memastikan pengurusan dan pemantauan sesuatu projek menjadi lebih cekap dan efisien.

Selaras dengan tekad Perdana Menteri untuk menoktahkan miskin tegar, urusan menyantuni rakyat miskin diteruskan dengan rancang lagi. Beberapa inisiatif dibuat oleh ICU JPM yang bertujuan meringankan beban

rakyat miskin, iaitu Usaha Kasih Madani, Didik Kasih Madani dan Kasih Ihsan Madani.

Di bawah kepimpinan Wan Ahmad Dahlan, ICU JPM menjadi semakin aktif menyediakan kediaman kepada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar di bawah eKasih. Contoh inisiatif ini ialah pembinaan Rumah Kasih Ihsan.

Sebagai mengiktiraf usaha serta komitmen Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan dalam menyegerakan projek-projek pembangunan, ICU JPM juga buat julung kalinya menganjurkan Anugerah Pembangunan Negara (APN) pada 14 November 2023.

Sebanyak 21 anugerah dalam tiga kategori anugerah utama, diberikan kepada kementerian, jabatan atau agensi yang cemerlang dalam menjayakan pelaksanaan projek-projek pembangunan negara.

Setelah dilantik sebagai KPPA, dalam ucapan di majlis Amanat KPPA 2024 bertajuk H.E.M.A.T dan Pembaharuan Perkhidmatan Awam pada 21 Februari lalu, Wan Ahmad Dahlan memulakan usaha memantapkan perkhidmatan awam dengan menyenaraikan tujuh cabaran utama yang dihadapi oleh penjawat awam selain menggariskan penyelesaian ke atasnya.

Masa sama, tiga prinsip iaitu memudahkan, menyesuaikan dan menyegerakan dijadikan pegangan.

Memudahkan bermaksud memudahkan urusan yang melibatkan pihak berkepentingan dan pelanggan. Menyesuaikan pula bermaksud menyesuaikan cara kerja agar selari dengan agenda kerajaan semasa. Manakala menyegerakan mempunyai perkaitan dengan kepantasan bekerja.

Serentak itu, Wan Ahmad Dahlan memperkenalkan nilai baharu bagi penjawat awam iaitu H.E.M.A.T. sejajar dengan dasar Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri dan aspirasi The G.R.E.A.T. Civil Service yang diperkenalkan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali.

H.E.M.A.T. terdiri daripada hijrah tatakelola, empati rakyat, minda pekin, apresiasi inovasi dan telus tadbiran. Ia membawa dua maksud, iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjiwat-cermat dan tidak boros sementara dari segi sifat pula H.E.M.A.T. bermakna cara penjawat awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam.

KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM

Berpegang kepada prinsip ini, Wan Ahmad Dahlan menyegerakan urusan Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) yang turut melibatkan penyertaan aktif beberapa pemegang taruh seperti Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) serta banyak persatuan atau kesatuan lain dalam perkhidmatan awam.

Hasilnya, pengumuman kenaikan gaji penjawat awam tertinggi dengan falsafah pegawai atasan yang tertinggi akan mendapat kenaikan yang paling rendah dan pegawai rendah akan menikmati kenaikan yang tertinggi dibuat Perdana Menteri pada 1 Mei lalu dan akan mula dilaksanakan bermula Disember depan.

Lebih mutakhir ialah penganjuran dan pelancaran Himpunan Aspirasi Madani Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akrab) di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Jumaat lalu sebagai ejen penggerak perubahan perkhidmatan awam.

Himpunan yang berjaya mencatatkan kehadiran lebih 8,000 penjawat awam, daripada pelbagai lapisan gred jawatan, sama ada bawahan, sama ada bawahan Persekutuan, negeri mahupun PBT ini memberikan suatu isyarat penting tentang kebersamaan penjawat awam.

Dengan pelbagai bukti ini maka tiada langsung elemen tidak setia dan cuba mensabotaj Perdana Menteri dalam kalangan mana-mana penjawat awam kanan, khasnya KPPA. Malah usaha berterusan dibuat bagi membawa penjawat awam menunjukkan kebersamaan mereka dalam membuat anjakan bagi merealisasikan agenda Malaysia Madani.

PROFESOR Dr. Rusdi Omar ialah Dekan di Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG). Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM).

DR. Nik Mawardi Mohamed ialah bekas Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Jarak Jauh (PACE), Universiti Utara Malaysia (UUM).

'SUBSIDY MOVE SHOWS FIRM LEADERSHIP'

Govt proven right in rationalising diesel subsidy as country's resources are being stolen, says PM

AUDREY DERMAWAN
BUKIT MERTAJAM
news@nst.com.my

PRIME Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim yesterday said leaders must be firm and willing to take risks.

Speaking at a gathering with the community at Masjid Jamek Cheruk Tok Kun here, he said this was the reason for the government's implementation of the diesel subsidy rationalisation.

"Yes, the move did affect people, but we must do our best to continue providing subsidies to those who deserve them. If you believe you are entitled to subsidies, apply to us and we will assist where possible," he said.

Anwar added that savings from the diesel subsidy rationalisation would go towards the people in the form of cash aid and salary increases for civil servants, among others.

Anwar said he did not forget promises the then-opposition made in 2008 to reduce fuel prices if they came to power, though this was not possible now.

Then, the price of fuel in Malaysia was between RM1.50 and RM1.80 per litre while in Saudi Arabia, it was around 50 sen per litre.

"Now, the price of fuel in Saudi Arabia is RM2.95 per litre while our RON95 is RM2.05 per litre.

"The production cost has increased and as such we are forced to postpone plans to bring down fuel prices."

Speaking later, he said the move by Singaporean tour companies to raise ticket prices showed that the government was right to rationalise the diesel subsidy.

"Two days ago, tourist buses and companies from Singapore raised their prices because they said they could no longer receive subsidised diesel."

"This means that for decades, they have been enjoying our subsidised diesel. The same goes for fishing boats from Thailand," he said, referring to the foreign fish-



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim mingling with the crowd at Masjid Jamek Cheruk Tok Kun in Bukit Mertajam yesterday. PIC BY DANIAL SAAD

ermen caught smuggling subsidised diesel out of the country.

Anwar said the country's subsidised diesel — meant for the poor — had been stolen and the people did not benefit.

"How much is this costing the country? As such, the diesel subsidy rationalisation is the right move to prevent our resources from being misused."

"That is very obvious. So those who want to curse us should look at all this."

"If there are any weaknesses, let us know and we can rectify them. In the beginning, there may be some issues. We do not deny that. We are aware that this is not a popular move."

Anwar said those affected would be given fleet cards. He said as such, it was reasonable for the government to rationalise the diesel subsidy.

Anwar also vowed to try his best to help reduce the burden faced by the people, particularly those in the low-income group.

"If there are ways, I will endeavour to do it."

He cited the drop in the egg prices, saying that a study had found that Malaysians, particularly those in the low-income group, consumed large quantities of eggs.

"For families in the middle- and low-income group, especially the B40, they consume four eggs a day. They are substituting meat with eggs."

"As such, we called the companies concerned to discuss."

"We asked how much profit they are making and if it is pos-

sible to reduce it.

"We are not talking about losses, but making less profit to reduce the people's burden."

"That is why I announced a drop in egg prices yesterday (Monday)," he said.

Anwar said if there were other ways to reduce the people's burden, he would do it.

At another function, he said further discussions were needed before deciding to place the Malaysian Anti-Corruption Commission under Parliament's purview to ensure its independence.

He said putting MACC under politicians might have implications as, sometimes, these same politicians might come into the commission's sights.

Recently, MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki, speaking in the *New Straits Times* talk show *Beyond the Headlines* recently, had said he disagreed with the proposal.

He said the MACC was the only agency in Malaysia to be monitored by five independent oversight bodies.

Anwar said the MACC had never been this aggressive in pursuing those involved in graft.

He said the graft-buster had showed that corruption was still occurring in the country.

"Officials from the Immigration Department, the Inland Revenue Board, police, Customs Department... they are still taking the country's wealth illegally."

"Answer to the charges with proof. Don't create. Don't use technical arguments," he added.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 19 JUN 2024



The Shah Alam High Court yesterday said the lack of specific prohibitions within the Employees Provident Fund Act 1991 and its regulations allows the EPF to exercise its administrative discretion in merging accounts. FILE PIC

LANDMARK DECISION

Court rules EPF can merge accounts of same person

KUALA LUMPUR: The Employees Provident Fund (EPF) has the authority to merge accounts belonging to the same individual, the Shah Alam High Court ruled yesterday.

In a landmark ruling, Judicial Commissioner Dr Choong Yeow Choy said the absence of specific prohibitions within the Employees Provident Fund Act 1991 and its regulations allowed the EPF to exercise its administrative discretion in merging accounts.

The court made the decision in response to a suit filed by M. Divvyaa against the EPF.

The legal action was initiated after the EPF merged accounts with numbers ending in 236 and 036, which belonged to Divvyaa's late father, S. Machap, into a single account.

Machap registered as an EPF member on Aug 1, 1995, under his new MyKad and received the EPF account number ending with 036. However, he already held an account (number ending with 236) registered under his old identity card on March 10, 1984.

Despite funds remaining in the older account (236) and none left in the newer one (036), Machap had nominated V.K. Dharsyaini as the beneficiary for the 036 account, while leaving no beneficiary for the 236 account.

Divvyaa contested the EPF's decision to merge the accounts and its automatic designation of beneficiary.

The court noted that while the Employees Provident Fund Act 1991, the Employees Provident Fund Regulations 2001, and the

Employees Provident Fund Rules 1991 did not explicitly grant the power to merge accounts, they also did not contain any provisions that prohibited such action.

Furthermore, the court ruled that since the nomination remained valid, Dharsyaini was entitled to the remaining balance in the 236 account.

"This case presents a situation where the outcome will have significant consequences for both claimants, namely the plaintiff and Dharsyaini.

"Regrettably, only one of these claimants will be entitled to the proceeds in the account.

"The defendant has no vested interest in the present suit. Its sole obligation is to fulfil its statutory duties as required," the court added.

NST
19/6

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:1.9.JUN.2024

Ringgit higher against dollar ahead of US data release ^{Sun 14/6}

THE ringgit was higher against the American dollar at the close yesterday ahead of fresh US economic data later tonight, said an analyst.

At 6pm, the ringgit advanced to 4.7110/7155 versus the greenback from Friday's close of 4.7190/7225.

The market was closed on Monday for the Hari Raya Aidiladha celebration.

ActivTrades trader Anderson Alves said market players are awaiting fresh leads with the US retail sales report due today. He added that investors are also cautious ahead of a series of US Federal Reserve (Fed) speeches by senior officials.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid noted that the US Dollar Index (DXY) has continued to hover above 105 points as the euro, which is a major component of DXY, fell against the US dollar on concern over the snap election in France which will be held this month.

At the close, the ringgit was traded mostly higher against a basket of major currencies.

The local unit appreciated against the Japanese yen to 2.9798/9828 from last Friday's close of 3.0046/0072, strengthened vis-a-vis the British pound to 5.9750/9807 from 5.9955/9999 but slid versus the euro to 5.0492/0541 from 5.0418/0455 previously.

The ringgit traded higher against its Asean peers.

It went up vis-a-vis the Indonesian rupiah to 287.0/287.3 from 287.5/287.8 at last Friday's close, inched up versus the Thai baht to 12.7874/8048 from 2.8328/8475 and edged up against the Singapore dollar to 3.4793/4829 from 3.4857/4886. — Bernama

THE SUN

19 JUN 2024

Tarikh: